

Lawan pedang sukan unik

■ Peng Kean jadi idola atlet cilik, pelapis di IFCM

Profil



Nama: Yu Peng Kean
Tarikh lahir: 8 Mei 1991
Umur: 22 tahun
Pengajian: Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), jurusan Sumber Manusia
Asal: Melaka
Adik-beradik: Anak kedua dari tiga beradik, seorang kakak dan adik lelaki.
Warna kegemaran: Hijau
Makanan kegemaran: Nasi lemak



PENG Kean memberi tunjuk ajar kepada atlet cilik.

Mungkin namanya langsung tidak dikenali sebelum ini namun Yu Peng Kean kini dianggap bintang terutama dalam sukan lawan pedang. Atlet yang mencipta kejutan layak ke Olimpik London 2012 itu kini menjadi idola terbaik buat pemedang cilik hinggalah Peng Kean sanggup hadir meninjau prestasi mereka di Kelab Lawan Pedang Antarabangsa Malaysia (IFCM) di Solaris Mont Kiara hampir setiap hari. Malah, berita serta keratan akhbar Peng Kean ditampal di dinding kelab.

Meskipun Peng Kean sudah lama berkecimpung dalam acara lawan pedang, kejayaannya melayakkan diri ke Sukan Olimpik London melonjakkan namanya lantaran mencipta sejarah menjadi atlet kedua negara menyertai acara itu di Olimpik selepas 48 tahun. Di London, dia menewaskan pemain Mesir, Zeid Mannad, 15-12 dalam acara individu sabre lelaki sebelum tumpas kepada pemain nombor lima dunia dari Hungary, Aron Szilagyi 1-15.

Ikuti temubual dan aksi Peng Kean melayani kerengah atlet cilik yang mengaguminya di IFCM.

S: Bagaimana anda boleh terbabit dalam sukan lawan pedang?

J: Sebenarnya secara tidak sengaja. Awalnya saya aktif bola keranjang dan terpilih ke Sekolah Menengah Bandar Penawar pada usia 13 tahun. Di situ saya diserap ke acara lawan pedang walhal waktu itu saya tidak tahu-menahu mengenai sukan ini. Namun, lama-kelamaan saya mula jatuh cinta kerana ia amat unik serta mencabar. Saya kemudian berusaha melakukan yang terbaik hinggalah ke tahap sekarang.

S: Apa nasihat terbaik bagi muka baru atau atlet cilik?
J: Apa yang penting ialah disiplin dan sentiasa mendengar nasihat jurulatih. Anda juga perlu bijak menguruskan masa.

S: Berdasarkan pengalaman anda, bagaimana pembangunan sukan lawan negara sekarang ini berbanding sebelum Sukan SEA Indonesia



2011 dan Olimpik London tahun lalu?
J: Sukan lawan pedang mula menjadi buah mulut selepas saya bergandingan dengan Liang Ming Cheng, Nurul Ariezzat Nazreen Ismail dan Muhammad Radhi Hashim menghasilkan pingat emas pertama untuk Malaysia dalam acara sabre berpasukan di Sukan SEA Jakarta sekali gus menamatkan kemarau 22 tahun di temasya itu. Secara keseluruhan di Sukan SEA, kami menyumbang dua emas dan lima gangsa.

Kemudian, saya menjadi atlet kedua negara layak beraksi di Olimpik selepas Ronnie Theseira di Tokyo pada 1964. Itu menjadi platform terbaik sekali gus menaikkan sukan lawan pedang negara hinggalah banyak kelab dibuka umpama cendawan tumbuh selepas hujan.

Saya amat bangga, apatah lagi melihat lebih ramai pe-

Profil



Nama: Xinee Lim
Tarikh lahir: 30 Ogos 2006
Umur: 7 tahun
Adik-beradik: Sulung dari dua beradik perempuan
Asal: Lahir di San Francisco, Amerika Syarikat (AS) dan kini menetap di Mont Kiara.
Warna kegemaran: Merah jambu
Makanan kegemaran: Makanan Jepun

nyertaan di kelab terutama pembabitan kanak-kanak yang dianggap 'pelapis' di masa depan. Lantaran itu,

saya berharap agar sukan lawan pedang terus maju.

S: Selain sukan lawan pedang, ada mata sukan lain?

J: Saya masih meminati sukan bola keranjang dan jika ada masa terluang, saya akan bermain bersama rakan-rakan.

S: Ada haiwan peliharaan?

J: Saya sukakan haiwan dan pernah memelihara hamster. Tapi ia mati apabila kami bertanding di luar negara. Saya kemudian membeli hamster yang lain tapi malangnya dia turut menerima nasib sama hinggalah saya mengambil keputusan untuk tidak memelihara hamster lagi.

Profil



Nama: Angel Ong
Tarikh lahir: 9 Mei 2005
Umur: 8 tahun
Adik-beradik: Anak tunggal
Asal: Kuala Lumpur
Warna kegemaran: Apa saja asalkan bukan merah jambu
Makanan kegemaran: Makanan Jepun

S: Jika orang tidak mengenali anda, mereka akan menyangka anda seorang?

J: Saya memang seorang peramah dan senang berka-



PENG Kean (dua dari kanan) membantu atlet memakai pakaian.

Soalan (S): Adakah anda seorang jurulatih di IFCM?

Jawapan (J): Tidak. Saya di IFCM sekadar membantu saja kerana kanak-kanak di sini perlukan semangat bagi menaikkan lagi sukan lawan pedang tempatan. Saya sememangnya tidak keberatan membantu walau hampir setiap hari di sini demi sukan negara. Sebenarnya ramai yang tidak tahu, sukan ini amat seronok serta tidak memberi tekanan, tapi pada masa sama amat mencabar. Itu yang membuatnya amat unik.

Atlet cilik di IFCM sememangnya saya pantau malah mereka juga menerima bimbingan saya. Mereka juga menyertai kejohanan utama, Kejohanan Grand Prix Remaja bawah 12 tahun seperti di Majlis Sukan Negara (MSN) semalam. Selain saya pantau, mereka juga diberi peluang untuk diketengahkan sebagai atlet kebangsaan suatu hari nanti sekiranya berbakat.